

HARI : SABTU
TARIKH : 27/6/2020
M/SURAT : 16

Kerajaan tetapkan harga siling jika harga ayam terus naik

KUALA NERUS - Kerajaan akan menetapkan harga siling jika harga ayam terus dinaikkan tanpa kawalan dan menekan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu akan dilaksanakan bagi menstabilkan harga ayam yang dilaporkan naik mendadak sejak kebelakangan ini.

"Isu kenaikan harga ayam ini bergantung kepada permintaan dan bekalan. Kita telah maklumkan kepada pihak industri sekiranya harga yang dikenakan tidak munasabah, kita akan ambil tindakan untuk tetapkan harga siling.

"Ketetapan harga siling agak dibimbangi oleh pihak industri, namun kita mempunyai kuasa untuk menetapkan satu harga yang munasabah jika harga ayam terus meningkat dan iaanya berterusan menekan rakyat," katanya di sini semalam.

Bagaimanapun, kata dia, pihaknya akan meneiti dan mengkaji terlebih dahulu beberapa perkara asas yang mempengaruhi kenaikan harga ayam termasuk kos makanan, buruh dan elektrik sebelum menganakan harga siling kepada peniaga.

"Kita memandang serius perkara ini dan sedang mencari jalan untuk menstabilkan kembali harga ayam," katanya.